



MAJLIS PERBANDARAN PEKAN (IKLAN JAWATAN KOSONG)

Permohonan adalah dipelawa kepada **Rakyat Negeri Pahang Darul Makmur** yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan adalah dipelawa untuk memohon bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut :

BIL.	JAWATAN/ GRED	KLASIFIKASI	TARAF JAWATAN
1.	Penolong Pegawai Senibina JA29	Kejuruteraan	Tetap
2.	Pembantu Tadbir N19	Pentadbiran dan Sokongan	Tetap
3.	Pembantu Akauntan W19	Kewangan	Pekerja Sambilan Harian (PSH)
4.	Pembantu Penilaian W19	Kewangan	Pekerja Sambilan Harian (PSH)
5.	Pereka B19	Bakat dan Seni	Pekerja Sambilan Harian (PSH)

A. CARA MEMOHON DAN SYARAT-SYARAT:

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan yang boleh dimuat turun di laman web Majlis Perbandaran Pekan iaitu <https://www.mdpekan.gov.my>
2. Semua permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan bersama **salinan dokumen yang telah disahkan** :-
 - i) Sijil Kelahiran
 - ii) Kad Pengenalan (depan dan belakang)
 - iii) Sijil Berhenti Sekolah
 - iii) Sijil/Diploma/Ijazah yang berkaitan
 - iv) Lain-lain dokumen pengesahan pernah menjalankan tugas-tugas berkaitan dengan jawatan yang dipohon

3. Pemohon hanya dibenarkan untuk memohon **satu jawatan** sahaja.
4. Sila tulis **`nama jawatan'** disebelah atas kiri sampul surat bagi permohonan jawatan yang dikemukakan.
5. Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN PEKAN
JALAN MAHKOTA
26600 PEKAN BANDAR DIRAJA
PAHANG DARUL MAKMUR
(U.P: JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 05 OKTOBER 2023

B. CATATAN AM

1. Permohonan **AKAN DITOLAK** jika borang permohonan:
 - i) Mengemukakan dokumen palsu
 - ii) Tidak menggunakan Borang Permohonan Jawatan Majlis Perbandaran Pekan.
 - iii) Tidak lengkap, tidak ditandatangani, tidak terang dan memohon jawatan yang tidak diiklankan.
 - iv) Tidak menyertakan dokumen yang dikehendaki seperti yang disyaratkan dan tidak disahkan.
 - v) Permohonan diterima selepas tarikh tutup.
2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tutup iklan hendaklah menganggap permohonan tersebut tidak berjaya.
3. Segala perbelanjaan bagi menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh pemohon sendiri.
4. Sila ambil maklum pengambilan bagi jawatan '*Contract For Services*' (CFS) dan Pekerja Sambilan Harian (PSH) **bukan suatu jaminan untuk diserap sebagai pegawai lantikan tetap.**

Ruj. Iklan : 1/4/0055
Tarikh iklan : 21 September 2023

1. SKIM PERKHIDMATAN

JAWATAN	PENOLONG PEGAWAI SENIBINA JA29
KUMPULAN	PELAKSANA
TARAF JAWATAN	TETAP
JUMLAH KEKOSONGAN	1 (SATU)

2. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia; dan
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun ke atas dan tidak melebihi 50 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c)
 - i. Sijil dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred JA29 : RM1,549.00); atau
 - ii. Diploma dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji Permulaan pada Gred JA29 : RM1,935.02)

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. DESKRIPSI TUGAS

- Bertanggungjawab ke atas Permohonan Kebenaran Merancang bagi Pendirian Bangunan, Permohonan Pelan Susun Atur, Permohonan Kelulusan Landskap, Permohonan Pemasangan Papan Tanda Bangunan Komersial dan Bangunan Pejabat Kerajaan.
- Menyelaras pengeluaran surat sokongan Perakuan Kelayakan Menduduki Bangunan (CF), Permohonan Ubahsuai Bangunan, reka bentuk ruang pameran dan bahan-bahan pameran, ulasan cadangan pencahayaan bangunan dan ulasan cadangan reka bentuk dalaman bagi bangunan-bangunan di bawah penyeliaan jabatan serta lain-lain tugas yang berkaitan.

1. SKIM PERKHIDMATAN

JAWATAN	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) N19
KUMPULAN	PELAKSANA
TARAF JAWATAN	TETAP
JUMLAH KEKOSONGAN	SATU (1)

2. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a. Warganegara Malaysia; dan
- b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c.
 - i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,352.00); atau
 - ii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,408.40); atau
 - iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,464.80)

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) BAGI PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT

Pegawai sedang berkhidmat di dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 tertakluk kepada kekosongan jawatan dan memenuhi syarat berikut:

- a. Telah disahkan dalam perkhidmatan
- b. mempunyai kelayakan di perkara 2(c) di atas atau lulus Peperiksaan Khas; dan
- c. had umur pelantikan
 - i. berumur kurang daripada 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii. berumur kurang daripada 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii. berumur kurang daripada 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

5. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/ komunikasi).

1. SKIM PERKHIDMATAN

JAWATAN	PEMBANTU AKAUNTAN W19
KUMPULAN	PELAKSANA
TARAF JAWATAN	PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)
JUMLAH KEKOSONGAN	1 (SATU)
KADAR UPAH	RM 54.00 SEHARI

2. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia; dan
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun ke atas dan tidak melebihi 50 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c)
 - i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik dan Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut.
 - ii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-Kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 - iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 - iv. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 - v. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. DESKRIPSI TUGAS

- Bertanggungjawab membantu melaksanakan sistem perakaunan kerajaan mengikut prosedur dan peraturan yang berkaitan.

1. SKIM PERKHIDMATAN

JAWATAN	PEMBANTU PENILAIAN W19
KUMPULAN	PELAKSANA
TARAF JAWATAN	PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)
JUMLAH KEKOSONGAN	2 (DUA)
KADAR UPAH	RM 54.00 SEHARI

2. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia; dan
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun ke atas dan tidak melebihi 50 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut atau
 - ii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya atau
 - iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. DESKRIPSI TUGAS

- Bertanggungjawab menerima arahan dan menjalankan penilaian harta tanah dan pentadbiran, menjalankan latihan dan penyelidikan, mendapatkan kelulusan terhadap nilai yang melebihi kuasa untuk melaporkannya dan lain-lain kelulusan terhadap perkara dinyatakan di atas.

1. SKIM PERKHIDMATAN

JAWATAN	PEREKA B19
KUMPULAN	PELAKSANA
TARAF JAWATAN	PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)
JUMLAH KEKOSONGAN	1 (SATU)
KADAR UPAH	RM 54.00 SEHARI

2. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia; dan
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun ke atas dan tidak melebihi 50 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c)
 - i. Mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam bahasa Malaysia dengan memuaskan; atau
 - ii. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mendapat kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.
 - iii. Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan atau yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
 - IV. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - V. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. DESKRIPSI TUGAS

- Bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja rekabentuk grafik dan multimedia, pameran dan publisiti luar ke atas kempen-kempen Majlis Perbandaran Pekan dalam bentuk visual dan paparan bagi kerja yang berkaitan dengan grafik multimedia.
- Menyelaras, merancang, menyediakan reka bentuk bahan-bahan penerbitan seperti buletin MPP, backdrop dan lain-lain.
- Menyelaras bahan-bahan promosi ke agensi dalam daerah dan negeri, majalah, radio dan majlis sidang media.